



MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

SYARAT-SYARAT PEMASANGAN SEPANDUK/BANTING

- a) Sepanduk / banting yang dipamer hendaklah mendapat kelulusan / permit / kebenaran daripada Majlis Daerah Kota Tinggi terlebih dahulu;
- b) Kelulusan permit sepanduk / banting adalah berupa sementara bermula 01 haribulan pada setiap bulan walaubagaimanapun ia tertakluk kepada keputusan pihak pentadbiran MDKT dan tempoh membaharui / lanjut tempoh sekurang-kurangnya seminggu awal sebelum berakhir tarikh tamat bulan berkaitan dan **setiap kelulusan tidak boleh melebihi 2 bulan**. Walaubagaimanapun kelulusan adalah tertakluk kepada arahan / pindaan pihak pengurusan MDKT;
- c) Sepanduk / banting hendaklah dipasang di kerangka-kerangka yang telah di sewa / diberi kelulusan sebagaimana di dalam borang permohonan dan hendaklah dibuka/diturunkan serta dibersihkan kawasan berkaitan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas tempoh permit tamat;
- d) Majlis Daerah Kota Tinggi tidak terikat dengan mana-mana pemohon / syarikat / agensi untuk menawarkan kerangka sepanduk / banting kepada sesiapa sahaja yang membuat permohonan dan **pihak Majlis Daerah Kota Tinggi tidak bertanggungjawab di atas kerosakan / kehilangan sepanduk / banting tuan/puan**;
- e) Sepanduk yang hendak dipamer dikerangka MDKT mestilah berukuran 4' x 20' dipasang dengan kemas dan kukuh supaya ia tidak mudah tercabut / jatuh apabila ditiup angin dan sebagainya yang boleh mengakibatkan kemalangan dan mencacatkan padangan serta sentiasa membuat pemantauan supaya ianya sentiasa didalam keadaan baik dan terjaga dan juga **TULISAN DALAM BAHASA MALAYSIA HENDAKLAH LEBIH BESAR DARIPADA TULISAN BAHASA-BAHASA LAIN**;
- f) Pemohon dikehendaki **membawa bersama** sekeping lukisan / lakaran sepanduk / banting yang hendak dipamerkan ketika membuat permohonan kerana dikuatiri mempamerkan perkara-perkara yang tidak bermoral dan **perlu mendapatkan Sijil Pengesahan Bahasa Dewan Bahasa Dan Pustaka**;
- g) Sertakan surat kebenaran tuan punya bangunan atau tanah jika melibatkan bangunan / tanah persendirian;
- h) Sertakan salinan surat kebenaran TNB bagi tujuan pemasangan banting di tiang-tiang TNB dan surat kebenaran KPDN bagi tujuan promosi jualan murah;
- i) **Pelekat** kelulusan yang diberikan hendaklah **ditampal pada sebelah kanan bawah pada sepanduk / banting** yang telah mendapat **kelulusan/permit** dari MDKT;
- j) Pihak Majlis Daerah Kota Tinggi pada bila-bila masa boleh membatalkan dan menurunkan sepanduk / banting tersebut **sekiranya MDKT mendapati ianya tidak mematuhi / melanggar peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan**;
- k) Sepanduk / banting **TIDAK** dibenarkan dipasang sepanjang jalan-jalan protokol sebagaimana berikut:-
 - Jalan Johor (Dari Pulada ke Simpang Keris dan sehingga ke Batu 1, Jalan Mawai, KT)
 - Sepanjang Jalan dari Simpang Keris ke Jalan Besar, Jalan Tun Habab sehingga ke Masjid Bandar, KT
 - Sepanjang Jalan Laksamana dan Tun Sri Lanang sehingga ke Batu 1, Jalan Mawai, KT

(Tertakluk kepada arahan/pindaan pihak pengurusan MDKT)